

# KERATAN AKHBAR

## NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (FORUM)

TARIKH: 11 APRIL 2018

MUKA SURAT: 12

# Penghuni PPR perlu ubah sikap buruk

## SAUDARA PENGARANG,

**PENGLIBATAN** dalam sebuah badan sukarela menyebabkan saya sering mengunjungi Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Lembah Klang.

Kebanyakan persekitaran kediaman terbabit amat menyedihkan. Ini disebabkan sikap segelintir penduduk yang sebenarnya tidak layak hidup bermasyarakat dalam satu

komuniti yang padat.

Saya pernah terkejut melihat longgokan sampah setinggi bumbung tingkat satu ketika melawat salah satu PPR di ibu kota beberapa tahun lalu.

Selain itu, harta awam seperti kerusi yang disediakan untuk menunggu di Klinik 1Malaysia dirosakkan sehingga tiada satu pun kemudahan berkenaan yang boleh digunakan.

Ini belum ditambah dengan

isu kedegilan untuk menjelaskan wang pengurusan pangsapuri. Isu itu seperti persoalan ayam dan telur, mana yang datang dahulu.

Penduduk tidak mahu membayar kerana ingin melihat kediaman mereka dijaga dan dibersihkan terlebih dahulu manakala pihak pengurusan pula menyatakan bahawa mereka memerlukan penduduk membayar segala yuran pengurusan supaya mereka

mempunyai modal untuk melakukan perkara tersebut.

Kita perlu mengambil contoh negara-negara jiran seperti Singapura apabila pentadbiran pangsapuri diurus dengan baik melibatkan kerjasama erat penduduk setempat. Oleh itu, sikap tidak peduli penduduk perlu dihentikan segera.

**NOORIZZUDDIN NOOH**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)